

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA**  
**[SUBANG]**

**TARIKH : 25 MAC 2014 (Rabu)**

**SOALAN :**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan dan semakan di peringkat Peguam Negara berkaitan laporan polis yang dibuat oleh Dato Mat Zain Ibrahim terhadap peguam Tan Sri Shafee Abdullah (Putrajaya Presint 7 Rpt 10437/13 bertarikh 15 Disember 2013) yang menuduh bahawa Shafee telah melakukan kesalahan jenayah dengan membuat kenyataan palsu dalam afidavitnya di Mahkamah.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikutan laporan Polis PRESINT 7/010437/13 yang dibuat oleh Dato' Mat Zain Ibrahim pada 15 Disember 2013 terhadap peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Md. Abdullah, suatu *Order To Investigate* (OTI) telah dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan pada 3 Januari 2014
2. Walau bagaimanapun pihak polis tidak mendapat kerjasama daripada Dato' Mat Zain Ibrahim untuk mengambil percakapannya. Pada 10 Disember 2014, pihak polis telah mengeluarkan suatu notis di bawah seksyen 111 Kanun Tatacara Jenayah bagi memastikan kehadiranannya untuk membolehkan percakapannya diambil.
3. Pada 16 Mac 2015, pihak polis telah menyampaikan notis tersebut kepada Dato' Mat Zain Ibrahim. Pada 18 Mac 2015, Dato' Mat Zain Ibrahim telah hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, namun beliau telah mencabar OTI yang telah dikeluarkan pada 3 Januari 2014. Akibat daripada isu ini, pihak polis masih gagal untuk merakamkan percakapan beliau dan kini masih menjalankan siasatan terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.